

**TARIKH : 17/12/2013****MS : 23**

UM MS 23 17/12/2013

Pastikan mereka bebas jenayah sebelum berkhidmat

# Calon penjawat awam perlu jalani tapisan SSMI

Oleh **NAZMIL NASIRUDDIN**  
penarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 16 Dis. - Calon-calon penjawat awam perlu menjalani tapisan keselamatan secara dalam talian melalui Sistem Semakan Maklumat Individu (SSMI) sebelum boleh dilantik berkhidmat dalam sektor awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun berkata, proses tapisan melalui SSMI itu dapat memastikan calon-calon yang dilantik memiliki kredibiliti dan integriti melaksanakan dasar dan melindungi kerahsiaan negara.

"Amatlah penting calon-calon yang bakal dilantik itu diselidik latar belakangnya sebagaimana digariskan dalam Peratu-

ran-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

"Antara kriteria yang disyaratkan ialah calon tidak memiliki kewarganegaraan asing, bebas rekod jenayah dan penagihan dadah serta kebankrapan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis pelancaran SSMI di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam.

Joseph Entulu berkata, SSMI yang dibangunkan pada awal tahun ini merupakan hasil inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan Syarikat S5 System Sdn. Bhd. dan BBC Technologies Sdn. Bhd. dengan kerjasama 30 jabatan agensi kerajaan termasuk SPA.

"Percubaan awal SSMI telah diuji melalui bukti konsep (POC) bermula 25 Januari hingga 21 Julai lalu melibatkan tiga agensi iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Insolvency (Mdi) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO).

"Tempoh masa yang ditetapkan bagi JPN dan Mdi adalah selama satu hari, manakala bagi CGSO selama lima hingga enam hari," katanya.

Sementara itu, Mahmood berkata, SPA telah melakukan semakan terhadap 2,384 calon dan berjaya mengesan dua kes pemohon yang terlibat dengan kes jenayah.

"Sistem ini boleh digunakan oleh pihak berkuasa melantik yang lain bagi tujuan semakan maklumat seperti dilakukan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Perak dan Johor.

"Secara tidak langsung pelaksanaan sistem ini dapat memberi faedah dan keuntungan bersama kepada perkhidmatan awam," katanya.

**JOSEPH ENTULU**

# SSMI kesan 2 calon ada rekod jenayah

» Sistem baru SPA saring pemohon layak dilantik kakitangan awam

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Sistem Semakan Maklumat Individu (SSMI) yang digunakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi menyaring 2,384 calon sebelum dilantik sebagai penjawat awam, berjaya mengesan lebih awal dua daripada mereka mempunyai rekod jenayah.

Saringan julung kali SSMI membabitkan calon yang memohon menyertai sektor awam antara Januari hingga Julai 2013 itu akan

menjadi sebahagian daripada prosedur SPA bagi melantik penjawat awam pada masa depan.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam (**gambar**), berkata walaupun sistem berkenaan hanya satu kaedah semakan segera secara tapisan kasar bagi tujuan keselamatan, ia terbukti berkesan bagi mengenal pasti calon yang tidak layak dilantik sebagai kakitangan awam.

## Mantap sistem penyampaian

Katanya, ini antara transformasi SPA bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, selaras inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang disarankan kerajaan.

"Calon yang ditapis semasa tempoh percubaan SSMI membabitkan tiga agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Insolvensi Malaysia (MDL) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO).

"Jika tidak gunakan sistem ini, wujud kemungkinan kita tersilap



lantik calon yang bermasalah dan seterusnya menjejaskan agensi atau jabatan kerajaan di mana dia ditugaskan," katanya, di sini, semalam.

Pelancaran yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Be laun, itu menyaksikan lebih 31 agensi kerajaan, termasuk SPA menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung pelaksanaan SSMI.

Antaranya, termasuk Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Sains dan Inovasi (MOSTI), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Sementara itu, Entulu berkata, pelaksanaan SSMI adalah pencapaian terbaik SPA kerana sebelum ini siasatan terhadap calon hanya dilakukan selepas pelantikan dan mengambil masa lama.

## Ambil masa singkat

Katanya, kini dengan adanya sistem berkenaan, siasatan atau semakan terhadap calon dapat dilakukan terlebih dulu sebelum ditugaskan ke mana-mana jabatan atau agensi, malah masa yang diambil juga singkat.

"Sistem ini bukan hasil inisiatif SPA semata-mata, sebaliknya ia adalah perkongsian idea membabitkan pelbagai agensi lain.

"Kalau tiada kerjasama semua agensi terbabit, tidak mungkin ia berjaya dilaksanakan kerana siasatan terpaksa dilakukan secara manual dan saya difahamkan ia mengambil masa kira-kira tiga hingga lima tahun," katanya.

## INFO

### Agensi guna SSMI

- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Sains dan Inovasi
- Lembaga Peperiksaan Malaysia
- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

HPM 17/12/2013 M/S11

# SSMI diguna pakai secara menyeluruh

**Putrajaya:** Sistem Semakan Maklumat Individu (SSMI) diperkenalkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akan diguna pakai secara menyeluruh selepas sistem berkenaan berjaya mengesan dua calon yang ditawarkan lantik ke perkhidmatan awam mempunyai rekod jenayah daripada keseluruhan 2,384 calon yang melalui tapisan sama di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga Julai lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Anak Belaun (*gambar*) berkata, sistem berkenaan satu kaedah semakan segera secara tapisan kasar bagi tujuan keselamatan untuk calon yang ditawarkan lantik ke

perkhidmatan awam.

Beliau berkata, sistem itu juga bertujuan memastikan calon yang dilantik tidak menghadapi sebarang masalah ketika semakan dibuat selain memudahkan pihak berkuasa membuat lantikan dalam urusan pengambilan.

"SPA sentiasa berusaha memastikan calon yang dilantik ke perkhidmatan awam memiliki kredibiliti dan integriti yang tinggi, bukan sahaja dalam melaksanakan dasar negara, malah dalam menjaga serta melindungi kerahsiaan negara.

"Oleh itu amat penting calon yang bakal dilantik itu diselidiki dan diteliti latar belakangnya sebagaimana

digariskan dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012," katanya pada sidang media selepas melancarkan SSMI di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam dan Timbalannya, Datuk R Segarajah.

Katanya, sistem berkenaan salah satu transformasi SPA dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan awam, malah pelaksanaannya juga merupakan pendekatan Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sebagaimana disarankan kerajaan.

Joseph berkata, antara kriteria penting yang disyaratkan kepada calon lantikan adalah calon tidak memiliki kewarganegaraan asing; bebas dari sebarang rekod jenayah dan penagihan dadah serta bebas dari kebangkrapan.

Menurutnya, 31 agensi kerajaan termasuk SPA memberi kerjasama dalam pelaksanaan sistem ini seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); Jabatan Perdana Menteri (JPM); Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM); Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Sementara itu, Mahmood berkata, SSMI dibangunkan



secara bersama oleh Syarikat S5 System Sdn Bhd dan Syarikat BCC Technologies Sdn Bhd.

Beliau berkata, percubaan awal SSMI sudah diuji bermula 25 Januari hingga 21 Julai lalu membabitkan tiga agensi.